



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LARANGAN JUALAN PRODUK JUS AL SUNNAH, JUS AL SUNNAH GOLD DAN JUS PENAWAR KELUARAN SRI SAGA MARKETING S/B

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan hasil pemantauan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan ke atas produk Jus Al Sunnah, Jus Al Sunnah Gold dan Jus Penawar keluaran syarikat Sri Saga Marketing S/B mendapati **syarikat tersebut tidak wujud, di mana ini melanggar Seksyen 16, Akta Makanan 1983.**

Di samping itu, hasil analisis mengesahkan ada di antara **produk tersebut mengandungi *dexamethasone* dan *prednisolone* iaitu bahan steroid yang dilarang di bawah Akta Makanan 1983.** Di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, menyatakan mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM 100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan itu, **KKM melarang penjualan JUS AL SUNNAH, JUS AL SUNNAH GOLD DAN JUS PENAWAR** yang dikeluarkan oleh syarikat Sri

Saga Marketing S/B. Semua peniaga termasuk peniaga atas talian yang masih mempunyai stok produk tersebut **diarahkan untuk menghentikan serta-merta penjualan semua produk tersebut dan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk tujuan penyitaan.**

Dexamethasone dan *prednisolone* adalah steroid yang poten dan ia digunakan untuk rawatan masalah pembengkakan dan radang yang serius. Penggunaan *dexamethasone* dan *prednisolone* secara berpanjangan tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh mengakibatkan kesan sampingan serius yang boleh membahayakan kesihatan seperti kelemahan otot, kerapuhan tulang, peningkatan gula dalam darah, tekanan darah tinggi, katarak, peningkatan risiko jangkitan dan sindrom cushing. Pesakit yang menghidap kencing manis adalah berisiko tinggi kerana ia boleh menyebabkan paras gula dalam darah tidak terkawal dan seterusnya boleh mengakibatkan komplikasi yang serius.

Orang awam yang sedang menggunakan produk-produk ini adalah disarankan supaya **SEGERA** mendapatkan nasihat serta rawatan dari **ahli profesional kesihatan**. Pengguna yang telah mengambil produk ini untuk jangkamasa yang lama digesa supaya **TIDAK** memberhentikan penggunaannya secara mendadak kerana ini boleh menyebabkan masalah seperti kekeliruan dan penurunan tekanan darah yang boleh membahayakan kesihatan (akibat *withdrawal syndrome*).

KKM ingin menegaskan supaya semua makanan yang dijual di negara ini perlu mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Adalah menjadi tanggungjawab pihak terlibat seperti pengilang,

pembungkus, pengedar, ejen pemasaran dan penjual untuk memastikan produk makanan yang dijual mematuhi perundangan makanan.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau hubungi KKM melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

24 September 2018

LAMPIRAN

JUS AL SUNNAH



JUS AL SUNNAH GOLD



DAN JUS PENAWAR

